

WEBINAR “ACADEMIC WRITING FOR JOURNAL PUBLICATION: How to convert thesis to journal publication”



Oleh Dr Kuan Woei Keong

Webinar “Academic Writing for Journal Publication: How to convert thesis to journal publication” anjuran PPKA UiTMPP telah diadakan dengan jayanya pada 28 September 2021. Program ini bertujuan untuk mendedahkan para pensyarah berkenaan teknik-teknik penulisan akademik bagi memastikan penerbitan di jurnal berimpak tinggi dapat dicapai. Penyertaan program ini telah dibuka kepada semua staf akademik PPKA. Didapati seramai 67 orang peserta telah menghadiri webinar ini. Kami telah menjemput Dr Noor Iswadi Ismail daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, UiTM Penang sebagai penceramah. Beliau telah berkongsi pengalaman beliau cara pengubabsuaian thesis beliau untuk penerbitan dalam bentuk jurnal semasa dan selepas tamat pengajian PhD beliau. Beliau juga memberi penjelasan yang terperinci tentang perbezaan teknik-teknik penulisan antara thesis dan manuskrip jurnal. Selain itu, beliau juga membentangkan langkah-langkah untuk menyediakan draf manuskrip jurnal daripada kandungan thesis yang berkesan. Semasa sesi Q&A, beliau juga memberikan bimbingan dan cadangan yang sesuai kepada para peserta dalam penentuan platform jurnal untuk penerbitan. Terdapat staf senior fakulti yang berkongsi pengalaman mereka dalam proses penerbitan selepas sesi Q&A. Para peserta amat menghargai pengkongsian ilmu daripada penceramah agar dapat meningkat teknik-teknik penulisan akademik mereka dalam program ini.



Ucapan pembukaan oleh Keua Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam, Dr Anas Ibrahim (sudut kanan bawah). Penceramah Dr Noor Iswadi Ismail (Kiri) dan Pengaturcara Dr Suhailah Mohamed Noor (sudut kanan atas)

Sesi bergambar bersamaan peserta



Pembentangan daripada penceramah Dr Noor Iswadi Ismail

